

Malaysia sedia jadi tapak Poland ke pasaran ASEAN

UM 22 MAR 2002
WARSAWA 21 Mac — Malaysia bersedia menjadi tapak kemasukan Poland ke pasaran negara-negara ASEAN apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan pada tahun 2004.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pusat tarikan ekonomi kini telah beralih dari rantau Atlantik ke Pasifik dan Poland perlu mengambil peluang tersebut untuk meningkatkan lagi pembangunan ekonomi mereka.

Katanya, apabila AFTA dilaksanakan kelak, pasaran lebih 500 juta penduduk ASEAN sedia menunggu negara itu melalui Malaysia yang tentunya menjanjikan pulangan yang lumayan.

"Kita boleh menjadi papan anjal kepada Poland untuk memasuki kawasan tersebut," katanya semasa berucap pada majlis makan malam meraikannya oleh Perdana Menteri Poland, Leszek Miller di sini, malam ini.

Dr. Mahathir tiba di sini, hari ini dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini.

Beliau diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan sekumpulan usahawan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak Poland bersama-sama me-

ngambil kesempatan daripada pelaksanaan kawasan perdagangan bebas tersebut untuk meningkatkan lagi pembangunan dan kemajuan dalam projek-projek yang konkrit.

Kata Dr. Mahathir, satu lagi bidang yang boleh diterokai dalam hubungan kerjasama dua hala ialah sektor pelancongan kerana hubungan antara rakyat dengan rakyat adalah aspek penting bagi meningkatkan hubungan antara kerajaan.

"Kita gembira kerana Malaysia semakin dikenali oleh rakyat Poland kerana pada tahun lepas dianggarkan 30,600 pelancong negara in&lawat Malaysia," katanya.

Menurut Perdana Menteri lagi, nilai perdagangan antara kedua-dua negara juga semakin meningkat tahun lepas walaupun ekonomi dunia merudum.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua negara masih boleh menggunakan sepenuh potensi yang ada untuk bersama-sama meningkatkan perdagangan dan usahawan kedua-dua negara boleh melaksanakan perkongsian pintar bagi faedah bersama.

"Malaysia boleh menawarkan banyak barang dan perkhidmatan manakala Poland pula mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi ketenteraan dan pembinaan kapal.

"Usahawan dan ahli perniagaan Poland perlu melihat ke arah Malaysia sebagai pusat mencari keuntungan," ujarnya. — Utusan